

TEKUN NASIONAL

TINGKAT USAHA BANTU GOLONGAN ISI RUMAH B40

» Skim
baharu babit
peruntukan
RM300j tumpu
kumpulan sasar

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

TEKUN Nasional akan menumpukan usaha untuk mengukuhkan Program Skim Pembiayaan Teman TEKUN yang baru dilancarkan membabitkan peruntukan RM300 juta bagi membantu golongan isi rumah berpendapatan terendah.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Baharom Embi, berkata skim berkenaan akan memberikan tumpuan khusus kepada golongan isi rumah 40 peratus berpendapatan terendah (B40) sejajar matlamat kerajaan untuk membantu kumpulan sasar itu meningkatkan pendapatan.

"TEKUN juga akan memberikan perhatian kepada Skim Pembiayaan I-FACTORING dan perniagaan Ar-Rahnu," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Program Mentor Mentee Makanan Laut

Bergerak di Shah Alam, semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga menyasar untuk membantu sehingga 51,000 orang usahawan pada tahun ini menerusi dana berjumlah RM600 juta yang diperuntukkan dalam 2016.

Katanya, RM300 juta daripada dana yang disediakan adalah melalui hasil kutipan balik pinjaman, manakala separuh lagi menerusi dana Kementerian Kewangan seperti diumumkan pada Bajet 2016.

"Kita menyediakan RM500 juta bagi membantu usahawan Bumiputera, manakala RM100 juta kepada usahawan kaum India. Pada 2015, TEKUN menyalurkan pembiayaan berjumlah RM579 juta yang membantu seramai 33,075 usahawan.

"Secara keseluruhannya antara 1998 hingga tahun lalu, kami sudah menyediakan dana sebanyak RM3.88 bilion kepada seramai 337,090 usahawan," katanya.

Cari jalan penyelesaian

Dalam perkembangan sama, Baharom berkata kadar pinjaman tidak berbayar (NPL) TEKUN kini masih terkawal,

namun pihaknya meminta usahawan yang menghadapi masalah membuat bayaran balik supaya datang berbincang untuk mencari jalan penyelesaian.

Beliau berkata, jumlah pinjaman yang belum dapat dikutip balik sehingga kini dianggarkan mencecah kira-kira RM400 juta.

Bantu usahawan

"Justeru, TEKUN kini proaktif untuk menggiatkan usaha mendapatkan balik pinjaman bagi membantu lebih ramai usahawan lain," katanya.

Sebelum itu, Baharom melancarkan Program Mentor Mentee Makanan Laut Bergerak yang juga usaha sama antara TEKUN Nasional dan syarikat Bumiputera, Bumi Services Sdn Bhd.

Program berkonsepkan francais itu mewujudkan peluang perniagaan, dengan Bumi Services bertindak sebagai mentor kepada usahawan yang berminat menceburi perniagaan makanan laut menggunakan trak.

TEKUN Nasional berperanan menyalurkan pem-

biayaan kepada usahawan yang terpilih berdasarkan syarat dan prosedur pinjaman sedia ada. Pinjaman disalurkan terus kepada syarikat mentor mengikut pakej dipersetujui.

Seramai sembilan usahawan yang dipilih menyertai program itu ditawarkan pakej merangkumi kenderaan, peralatan perniagaan, pakaian seragam, khidmat nasihat, pengurusan pemfailan, pentadbiran, latihan amali serta kos pusingan produk.

Setiap usahawan menerima pembiayaan berjumlah RM72,000 seorang. TEKUN Nasional memperuntukkan RM8 juta di bawah Program Mentor Mentee.

**RM579
JUTA**
jumlah
pembiayaan
disalur TEKUN
pada 2015

"TEKUN kini proaktif untuk menggiatkan usaha mendapatkan balik pinjaman bagi membantu lebih ramai usahawan lain"

Baharom Embi.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif TEKUN Nasional

